



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA TECHLYMPICS 2025 PERINGKAT ZON TENGAH CAPAI PENYERTAAN LEBIH 3,000 ORANG PESERTA

NILAI, 15 JULAI 2025 – Malaysia Techlympics merupakan inisiatif MOSTI dalam usaha memupuk minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pertandingan yang lebih menyeronokkan, membudayakan belia dengan minda kritikal, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna serta berimpak tinggi.

Penganjuran Malaysia Techlympics 2025 Peringkat Zon Tengah merupakan pelaksanaan zon pertama sebelum pelaksanaan di Zon Selatan, Pantai Timur, Sabah, Sarawak dan Utara. Malaysia Techlympics 2025 Peringkat Zon Tengah menyaksikan seramai lebih 3,000 orang peserta dari Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berkumpul bersama-sama di Nilai Arena, Negeri Sembilan untuk bersaing bagi melayakkan diri ke Peringkat Akhir Kebangsaan yang akan diadakan pada bulan November 2025.

Dalam Ucapan Perasmian oleh YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi, melihat kepada kepentingan peredaran teknologi digital kepada negara, antara pengisian aktiviti dan pertandingan Malaysia Techlympics menekankan aspek teknologi terkini seperti kecerdasan buatan, pengekodan,

pengkomputeran, dron dan banyak lagi sebagai wadah dan pendedahan awal bagi para pelajar dan belia dalam teknologi pesat ini.

MOSTI berpandangan bahawa program seumpama ini adalah penting untuk memberi pendedahan kepada para peserta khususnya berhubung teknologi-teknologi terkini. Kemahiran dan pengetahuan yang diperolehi melalui program-program ini boleh digunakan sebagai asas dalam meningkatkan pembangunan bakat dan sekaligus mampu menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara terutamanya bagi penghasilan inovasi berasaskan teknologi terkini demi mencapai hasrat Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

MOSTI percaya bahawa pembudayaan STI tidak terhad kepada pendidikan secara formal di dalam kelas atau bilik darjah sahaja. Oleh itu, aktiviti-aktiviti yang disediakan melalui Malaysia Techlympics akan menggunakan kaedah *hands-on* dan secara langsung daripada pengamal serta pakar STI.

Untuk maklumat lanjut mengenai Malaysia Techlympics dijemput untuk melayari laman web rasmi <https://www.techlympics.my/>.

Disediakan oleh :

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

15 JULAI 2025